

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2023

AKHBAR : BERNAMA

PAUTAN : <https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2212030>

KERAJAAN PERUNTUK RM40 JUTA DI BAWAH PROGRAM AIL-SLDN - RAFIZI



Menteri Ekonomi Rafizi Ramli

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Kerajaan, menerusi Kementerian Ekonomi akan menyediakan dana khas sebanyak RM40 juta untuk pengambilan 10,000 pekerja di bawah program baharu Academy in Industry (Ail)-Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) sehingga akhir tahun 2023.

Menterinya Rafizi Ramli berkata dana itu akan digunakan untuk membayar insentif penempatan pekerja, supaya golongan muda tidak terbeban dengan kos membayar deposit rumah sewa dan kos perpindahan dari kampung.

Insentif lulus kekal dalam pekerjaan dan insentif pensijilan sekiranya pelatih kekal dalam pekerjaan sehingga 18 bulan untuk menerima sijil Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), katanya.

"Majikan pula diberikan insentif latihan bagi pelatih yang menerima disijilkan di akhir tempoh antara sembilan hingga 18 bulan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Program Ail-SLDN, di sini hari ini.

Rafizi berkata pemantauan inisiatif tersebut dilaksanakan oleh pihak berkepentingan termasuk kementerian, agensi, industri dan akademia melalui platform Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) dan dilaksanakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

Inisiatif Ail adalah berlandaskan kepada pendekatan industri 'demand driven' (didorong oleh permintaan) yang dilaksanakan atas dasar permintaan industri berkonseptan 'place and train' (penempatan dan latihan).

Ia merupakan salah satu agenda nasional yang memperkasakan bakat industri masa hadapan dengan sasaran 50,000 bakat tempatan menjelang akhir 2025 untuk meningkatkan purata pencapaian pendidikan negara, mengurangkan jurang ketidakpadanan kemahiran dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

"Ail memberi tumpuan untuk membolehkan golongan muda dan rentan menyertai sektor pekerjaan teknikal tanpa perlu mempunyai kelayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terlebih dahulu kerana mereka akan dilatih dan disijilkan semasa bekerja melalui konsep place and train.

"Pendekatan baharu ini mengambil kira kecenderungan golongan muda yang lebih berminat untuk bekerja terus tanpa melanjutkan pelajaran selepas alam persekolahan" katanya.

Melalui program Ail, beliau berkata majikan yang memenuhi syarat (daripada segi modul latihan, jenis kandungan teknikal dalam pekerjaan dan gaji yang ditawarkan) dilesenkan oleh JPK untuk melatih dan mensijilkan pekerja-pekerja mereka selepas pekerja melalui tempoh kerja-latihan selepas sembilan hingga 18 bulan bergantung kepada jenis kemahiran yang dipilih.

"Ini bermakna anak-anak muda seawal 18 tahun boleh mula bekerja dan mempunyai prospek kerjaya teknikal kerana mereka akan mendapat SKM selepas sembilan hingga 18 bulan bekerja, berbanding pendekatan sedia ada yang memerlukan kelulusan kursus TVET sepenuh masa selama 24 bulan sebelum mereka boleh mencari pekerjaan," katanya.

Terdahulu, Menteri Sumber Manusia V. Sivakumar mencadangkan agar Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) menjadi sijil tunggal TVET kebangsaan untuk semua program TVET dari Tahap satu hingga lima dalam usaha membantu meningkatkan dan menyeragamkan TVET di Malaysia.

"TVET dikenal pasti sebagai salah satu daripada 14 pamacu perubahan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). TVET berperanan penting dalam menyediakan tenaga kerja mahir yang memerlukan kemahiran spesifik dan berupaya menjana pendapatan tinggi.

"Perkara ini penting kerana kerajaan berhasrat mencapai sasaran 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2030," katanya.

Sementara itu, beliau berkata Ail adalah program yang dibangunkan secara berstruktur berdasarkan keperluan industri sekali gus para pelajar akan dilatih dan diberi pendedahan kepada kemahiran yang dicari oleh pihak majikan berdasarkan konsep 'hands-on' dan 'on the job training'.

Menurutnya, pekerja berkenaan akan dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dan sekaligus membantu Malaysia untuk berdaya saing dalam arena ekonomi global.

"Pasaran kerja masa hadapan akan dipenuhi dengan tenaga kerja berkemahiran tinggi, kreatif dan mempunyai pemikiran yang kritis dengan deskripsi dan skop pekerjaan dijangka mengalami perubahan yang signifikan."

"Sehubungan itu, mereka perlu melengkapkan diri dengan kemahiran terkini (skills set) berdasarkan keperluan industri masa hadapan. Perkara ini juga akan membantu meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja Malaysia," katanya.

Beliau berkata kerjasama antara dua kementerian ini iaitu Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Ekonomi dapat menyelesaikan pelbagai cabaran berkait peluang pekerja, peluang belajar dan dapat meningkatkan produktiviti tenaga kerja berkemahiran dalam kalangan rakyat tempatan.

-- BERNAMA